

**BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN  
DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENTENDER**

---

Nama Kontraktor : .....

Alamat : .....  
.....  
.....

Kepada,

Rektor  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Kuala Pilah  
Negeri Sembilan

Tuan,

Maklumat Latar Belakang, Kewangan dan Teknikal Pentender

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Pentender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan UiTM menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender, semasa penilaian Tender.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakurakan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian JKR berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama tender kami sebelum Tender ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang B, C, CA, D, E, F, G & GA dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap kami dan/atau tender kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Tender kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan UiTM menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut:
- (1) Salinan sah Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah, bagi dua (2) tahun kewangan terakhir.
  - (2) Salinan sah Penyata Bulanan Bank Akaun Wang Dalam Tangan pentender bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender;
  - (3) Lapuran Jurutera Projek atas prestasi kerja semasa yang bukan projek UiTM atas Borang GA dalam satu sampul berlakri bagi setiap kerja semasa yang sedang dilaksanakan.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Kerajaan,jurutera-jurutera projek, bank dan institusi kewangan lain, dan lain-lain atau mana-mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh UiTM untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Walau bagaimana pun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang Benar,

.....  
Tandatangan Pentender

Tarikh: .....

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Atas Sifat :

yang diberi kuasa dengan sempurnanya untuk  
menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak :

.....  
(Meteri atau Cap Pentender)

Saksi:

Tarikh: .....

Nama Penuh

No. Kad Pengenalan :

Pekerjaan :

Alamat :

.....  
.....